

Kosongkan tapak atau kena denda

MDSB akan ambil tindakan kepada peniaga yang masih menjalankan perniagaan di kawasan kunci air

SUNGAI BESAR – Semua penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan Kunci Air Parit 1 Barat dan sekitar hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Makmur diingatkan supaya mengosongkan tapak sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil terhadap peniaga ingkar.

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Noraini Ahmad berkata, pihaknya sebelum ini telah mengeluarkan surat kepada penjaja tepi jalan itu, namun masih terdapat aktiviti perniagaan dijalankan di kawasan berkenaan.

Menurutnya, peniaga terbabit sepatutnya mengosongkan tapak perniagaan masing-

masing sebelum 31 Mac lalu, namun MDSB mendapati sebahagian peniaga masih meneruskan perniagaan mereka seperti biasa.

“Penjaja tidak dibenarkan menjalankan sebarang urusan perniagaan di kawasan itu berikutan aduan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang memaklumkan kawasan itu kotor dan mengganggu operasi dan penyelenggaraan struktur parit berhampiran,” katanya.

Noraini berkata, MDSB tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas dengan menjalankan tindakan penguatkuasaan kepada mana-mana penjaja yang didapati ingkar dengan arahan tersebut di bawah peraturan dan Undang-Undang Kecil MDSB dan Akta



Meskipun notis peringatan telah diletakkan, namun penjaja masih menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan ini.

Kerajaan Tempatan 1976.

Beliau berkata, pihak penguatkuasaan MDSB pada Februari lalu juga telah menjalankan operasi pindah alih ge-

rai yang ditinggalkan selepas tamat berniaga di kawasan Pekan Sungai Besar hingga ke Parit 1 Barat pada 4 Februari lalu.

“Operasi ini bertujuan

memberi peringatan kepada pemilik gerai supaya mematuhi syarat lesen yang diberikan. Tindakan sita telah dikenakan ke atas beberapa gerai penjaja

dan gerai yang ditinggalkan pemilik.

“Operasi seperti ini dilaksanakan bagi memastikan tiada aduan mahu pun kacau ganggu, selaras dengan Program Sabak Bernam Bersih dan Indah yang dilancarkan tahun lalu,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, penjaja terbabit boleh mengemukakan permohonan bagi menjalankan perniagaan di tapak pasar pagi atau malam atau lain-lain kawasan yang sesuai dan tidak mendatangkan kacau ganggu.

“MDSB berharap supaya penjaja tepi jalan faham dengan arahan ini bagi memastikan mereka tidak melakukan kesalahan yang boleh dikenakan tindakan kompaun dan sebagainya,” katanya.